

Selasa – 11 Ogos 2020

Halaman : 27

## Warta 1,644.73 hektar tanah untuk orang asli

**KOTA BHARU** - Kerajaan Kelantan mewartakan kawasan seluas 1,644.73 hektar sebagai kawasan penempatan orang asli di negeri ini.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, kawasan tersebut melibatkan sembilan pos seperti cadangan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa).

Bagaimanapun, katanya, ada beberapa cadangan lain daripada jabatan itu yang belum dilaksanakan sepenuhnya kerana beberapa isu yang perlu diselesaikan.

“Kerajaan sentiasa memberikan perhatian kepada kedudukan dan kebajikan masyarakat orang asli di negeri ini,” kata Mohd Amar yang menjawab soalan Abdul Aziz Yusoff (**BN-Nenggiri**) semasa Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan di Kompleks Kota Darulhaim di sini semalam.

Abdul Aziz mengemukakan soalan mengenai perancangan khusus kerajaan bagi mewarta-

**F** Kawasan tersebut melibatkan sembilan pos seperti cadangan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa). ”

kan tanah-tanah penempatan orang asli di Kelantan secara tersusun dan sistematik.

Sementara itu, Mohd Syahbuddin Hashim (**BN-Galas**) turut mengemukakan soalan tambahan melibatkan tempoh yang diperlukan untuk mewarta sebuah kawasan tersebut, termasuk sejauh mana jaminan status kekal tanah yang diwartakan itu.

Menjawab soalan itu, Mohd Amar berkata, kerajaan negeri menyedari keperluan orang asli terutamanya untuk memiliki kawasan rayau dan bercucuk tanam dan setakat ini secara dasarnya, tanah yang diwartakan adalah kekal dan tidak akan diambil semula.